



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
KENYATAAN MEDIA**

PERUTUSAN HARI THAIPUSAM MENTERI HAL EHWAL EKONOMI

Masyarakat Tamil di Malaysia merayakan Thaipusam pada malam bulan mengambang bulan kesepuluh Panchangam Tamil. Tahun ini ia bersamaan 21 Januari 2019.

Perayaan ini kaya dengan makna kerohanian sebagai sambutan kejayaan kemenangan kebaikan membanteras kebatilan. Kemuncak perayaan adalah mengingati detik Dewi Parvati mengurniakan tombak Vel kepada Dewa Murugan untuk menumpaskan Surapadma yang jahat.

Semangat perjuangan menumpaskan kejahatan dan keangkuhan ini dikongsi oleh seluruh umat manusia. Justeru itu kita menghormati sahabat handai kita yang menyambut Thaipusam sebagai hari peribadatan dan penyucian diri.

Semoga sambutan Thaipusam ini meningkatkan azam kita untuk membanteras kejahatan dan keangkuhan dalam segala bentuknya dan di mana sahaja ia berada.

Selamat menyambut Hari Thaipusam.

DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

20 Januari 2019